

PM: Langkah berjimat cabaran bagi tentera kita

MELAKA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kemelesetan ekonomi dunia dan langkah-langkah berjimat cermat kerajaan yang turut menyentuh Angkatan Tentera, adalah satu cabaran ke atas kemampuan mereka meneruskan tugas dalam keadaan serba kekurangan.

Katanya, keadaan yang dihadapi sekarang tidak harus disifatkan sebagai batu penghalang kepada Angkatan Tentera meninggikan tahap kecekapan mereka, tetapi menganggapnya sebagai cabaran yang harus disambut untuk mengukur sejauh manakah kemampuan dan daya pemikiran mereka dalam mengatasi segala kekurangan.

Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan

berkata, cabaran yang sedang dihadapi dianggap kecil jika dibandingkan dengan kesempatan di masa perang bila hanya Angkatan Tentera yang bersempangat berjaya mengatasi kesempatan dan masalah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat Kedua di Kem Terendak, dekat sini.

Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan Angkatan Tentera bahawa mereka dikehendaki berjimat dan berhati-hati dalam pembelian alat-alat baru dan pengambilan tambahan anggota untuk menjangkitkan perbelanjaan.

Bersedia

Beliau bagaimanapun yakin, Angkatan Tentera negara ini mempunyai keupayaan untuk berkembang dan membangun dari segi kecekapan kemahiran dan menebalkan semangat.

Dalam hubungan ini, beliau menegaskan perlunya latihan-latihan berterusan dilaksanakan untuk memastikan setiap anggota sentiasa cekap, cecak dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan cogan kata tentera darat "Satu peluru, satu musuh" sebagai sesuai dan menepati matlamat Tentera Darat sendiri, ia menuntut setiap anggota mahir menembak dengan cekap dan tepat.

"Kalau kita teliti, cogan kata ini juga membawa pengertian berjimat cermat".

Beliau berkata, Malaysia masih bernasib baik

jika dibandingkan dengan beberapa negara kerana buminya subur lagi kaya, rakyat tidak harus terus bermewah-mewah dan membuat apa saja sewenang-wenangnya.

"Kita mesti melatih diri supaya tidak membazir," katanya lagi.

Perdana Menteri seterusnya mengajak rakyat mempelajari pengalaman orang-orang Jepun dan Korea yang telah menjadikan kehancuran negara mereka kerana peperangan, sebagai cabaran bagi mengukuhkan azam untuk terus maju.

"Kalau ditinjau dari kemusnahan yang dialami oleh negara-negara itu, mereka tidak akan dapat bangun walaupun dalam masa 100 tahun.

"Tetapi hasil kezaman rakyatnya, kedua-dua negara itu bukan sahaja dapat membangun semula, tetapi kemajuan mereka mengagumkan dunia.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia